

KLASIFIKASI AL-QURAN TERHADAP TINGKAH LAKU MANUSIA DALAM MEMBINA PERADABAN (The Quran and the Transformation of Human Behaviour in Building Civilization)

¹ JAWIAH DAKIR
¹ MOHD YUSOF HJ. OTHMAN
¹ FARIZA MD SHAM
¹ MUHAMMAD HILMI JALIL
² AGUSWAN RASHID
¹ MUJAHID ABU BAKAR
¹ SITI MAHERAN ISMAIL @ IBRAHIM

¹ Institut Islam Hadhari, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi,
Selangor, Malaysia

² Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi,
Selangor, Malaysia

ABSTRAK

Sebagai panduan dan pedoman bagi manusia, al-Quran tidak hanya merangkumi perkara yang berkaitan dengan aqidah, ibadah, muamalah dan akhlak, tetapi juga membincangkan hal-hal yang berhubung kait dengan manusia, seperti asal kejadian, proses penciptaan serta matlamat dan tujuan mereka dicipta oleh Allah SWT. Al-Quran juga tidak ketinggalan membincangkan perilaku, sikap dan tabiat manusia, baik yang dapat dikesan oleh pancainderia mahupun yang tersembunyi dalam hati sanubari. Hal ini dimaktubkan dalam banyak surah dan ayat. Namun adanya penjelasan tentang hakikat tingkah laku ini kurang disedari oleh kebanyakan sarjana, sedangkan ianya amat penting untuk menyelesaikan masalah manusia yang berkaitan khususnya tingkah laku yang negatif. Mereka lebih banyak merujuk kepada sumber bukan daripada al-Quran ataupun pandangan sarjana barat semata-mata apabila membicarakan tentang tingkah laku dan perkara yang berhubungan dengannya. Sehubungan dengan itu, penulisan ini bertujuan membincangkan kepelbagaian

tingkah laku manusia menerusi ayat al-Quran serta huraianya. Huraian al-Quran mengenainya adalah isyarat kepada tranformasi tingkah laku manusia yang dianjurkan bagi membina peradaban yang unggul. Perbincangan merujuk kepada ayat al-Quran dan huraian serta analisisnya menurut sarjana Islam, khususnya dalam kalangan ahli tafsir. Boleh dirumuskan bahawa al-Quran telah mengisyaratkan kepelbagaian tingkah laku manusia samada tingkah laku yang meliputi aspek luaran manusia (fizikal) dan juga aspek dalaman (rohani). Mengetahui dan memahami kepelbagaian ini dapat membantu usaha menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh seseorang dengan mengenal pasti diri mereka dari sudut tindakan dan perbuatannya.

Kata kunci: Tranformasi tingkah laku; manusia dan al-Quran; emosi negatif; *al-sulūk*; ahli tafsir

ABSTRACT

As guidance for mankind, the Quran does not only cover matters pertaining to faith, worship, Islamic commerce, and morals but also discusses subjects related to the human beings themselves, such as their origin, the process of their creation, as well as the aims and purpose of their creation by Allah the Almighty. The Quran is also not left behind in discussing the behavior, attitudes and habits of mankind, both of those which can be detected by the senses, or even the ones hidden in their hearts. This has been articulated in a lot of its chapters and verses. However, the existence of these explanations and descriptions about the human behavior is less noticed by most scholars, when it is indeed very important to resolve issues related to the human behavior, especially with regard to the negative ones. These scholars would make reference to sources other than the Quran, or to only consider the views of western scholars when talking about behavior and matters pertaining to it. In relation to this situation, this paper aims to discuss the diversity of the human behavior through the verses of the Quran and their descriptions. The descriptions of the Quran about the human behavior is a signal towards the transformation of the human behavior which is recommended in building a superior civilization. This discussion refers to the verses of the Quran and their descriptions, as well as the analysis according to Islamic scholars, particularly among the commentators. It can thus be concluded that the Quran has indicated about the diversity of the human behavior; whether those which cover the external aspect of mankind (physical), or the internal aspect (spiritual). Knowing and understanding these diversities can help the effort in solving problems faced by individuals, by identifying themselves from the aspects of their actions and deeds.

Keywords: Behavioral transformation; mankind and the Quran; negative emotions; *al-sulūk*; commentators

PENDAHULUAN

Perbincangan dan penegasan al-Quran tentang manusia amat meluas dan sempurna. Bermula dari proses penciptaan Adam a.s. dan anak cucunya, hinggalah penghuraian tentang matlamat penciptaan manusia, tugas dan fungsi mereka di dunia dan ke mana mereka kembali selepas meninggal. Kesemuanya dihuraikan dalam al-Quran dengan lengkap sama ada secara jelas atau secara isyarat. Mengenai proses penciptaan manusia. Firman Allah SWT (al-Hajj 22: 5) yang bermaksud:

Wahai umat manusia, sekiranya kamu menaruh syak (ragu-ragu) tentang kebangkitan makhluk (hidup semula pada hari kiamat), maka (perhatilah kepada tingkatan kejadian manusia) kerana sebenarnya Kami telah menciptakan kamu dari tanah, kemudian dari setitik air benih, kemudian dari sebuku darah beku, kemudian dari seketul daging yang disempurnakan kejadiannya dan yang tidak disempurnakan; (Kami jadikan secara yang demikian) kerana Kami hendak menerangkan kepada kamu (kekuasaan kami); dan Kami pula menetapkan dalam kandungan rahim (ibu yang mengandung itu) apa yang Kami rancangkan hingga ke suatu masa yang ditentukan lahirnya; kemudian Kami mengeluarkan kamu berupa kanak-kanak; kemudian (kamu dipelihara) hingga sampai ke peringkat umur dewasa; dan (dalam pada itu) ada di antara kamu yang dimatikan (semasa kecil atau semasa dewasa) dan ada pula yang dilanjutkan umurnya ke peringkat tua nyanyuk sehingga ia tidak mengetahui lagi akan sesuatu yang telah diketahui-Nya dahulu dan (ingatlah satu bukti lagi); engkau melihat bumi itu kering, kemudian apabila Kami menurunkan hujan menyimpannya, bergeraklah tanahnya (dengan tumbuh-tumbuhan yang merecup tumbuh), dan gembur membusutlah ia, serta ia pula menumbuhkan berjenis-jenis tanaman yang indah permai.

Manakala matlamat utama penciptaan manusia adalah beribadah kepada Allah. Firman Allah SWT (al-Dharyyat 51: 56) yang bermaksud:

Dan (ingatlah) Aku tidak menciptakan jin dan manusia melainkan untuk mereka menyembah dan beribadat kepada-Ku.

Mengenai tugas manusia dan fungsinya sebagai khalifah dan memakmurkan bumi dengan perkara yang bermanfaat. Firman Allah SWT (al-A'raf 7: 129) yang bermaksud:

...Nabi Musa menjawab: "Mudah-mudahan Tuhan kamu akan membinasakan musuh kamu dan menjadikan kamu khalifah di bumi, kemudian ia akan memerhati bagaimana pula perbuatan kamu?".

Dan firman Allah SWT (Hud 11: 61) yang bermaksud:

... Dia lah yang menjadikan kamu dari bahan-bahan bumi, serta menghendaki kamu memakmurkannya. oleh itu mintalah ampun kepada Allah dari perbuatan syirik, kemudian kembalilah kepadanya dengan taat dan tauhid. Sesungguhnya Tuhan-ku sentiasa dekat, lagi sentiasa memperkenankan permohonan hamba-Nya”.

Sementara itu, dijelaskan juga tempat kembali manusia selepas kematiannya iaitu kepada Allah jua. Firman Allah SWT (al-Baqarah 2:156) yang bermaksud:

(Iaitu) orang-orang yang apabila mereka ditimpa oleh sesuatu kesusahan, mereka berkata: “sesungguhnya Kami adalah kepunyaan Allah dan kepada Allah jualah kami kembali”.

Oleh kerana penjelasan dan penegasan Allah SWT mengenai manusia dalam al-Quran amat luar yang mencakupi pelbagai aspek, maka perbincangan dalam kertas ini hanya merujuk kepada sebahagian kecil aspek penting yang ada dalam diri manusia, sesuatu yang melekat dan tidak dapat dipisahkan dalam hidupnya iaitu perkara yang berkaitan tentang tingkah laku, sikap dan tindakan mereka. Aspek ini dibincangkan berdasarkan isyarat wahyu Ilahi dengan memfokuskan perbincangan kepada pengertian tingkah laku manusia dan klasifikasinya dalam al-Quran.

KAJIAN LITERATUR

Kepelbagaian tingkah laku manusia menerusi ayat al-Quran dapat difahami dengan merujuk kepada ayat yang dikalamkan oleh Allah SWT secara jelas ataupun isyarat. Ianya dianalisis oleh sarjana dalam kalangan ahli tafsir dahulu dan sekarang dalam berbagai sudut dan persektif. Ayat al-Quran mengenai tingkah laku dalam kajian ini dikenal pasti melalui kaedah *takhrij*, kemudian ayat tersebut dikategorikan mengikut topik tertentu serta analisis dan tafsiran ringkas oleh para sarjana. Analisis seperti ini dikenali sebagai kajian ayat al-Quran secara *mawdu' i* (topik). Pandangan beberapa sarjana Islam dalam bidang tafsir dan *ilm al-nafs* (ilmu psikologi) juga dirujuk ketika membahaskan topik yang berkaitan, sama ada menggunakan tafsir *bi al-ra'y* (tafsir berdasarkan akal manusia) atau tafsir *bi al-ma'thur* (berdasarkan nas al-Quran dan hadis). Analisis seperti ini banyak dilakukan oleh para sarjana dalam bidang tafsir.

Aspek tingkah laku telah banyak dibincangkan dan dianalisis oleh sarjana barat mahupun sarjana Islam. Antara aspek yang dibincang ialah pengertian dan maksud tingkah laku sesuai dengan bidang masing-masing. Sofarwan (1995) dan Hamzah (1997) mengertikan tingkah laku dari sudut tinjauan etimologi sebagai sinonim

kepada sikap, gerak geri, ragam, gaya, perangai, budi pekerti, aksi, lagak laku, sepak terajang, kerenah, perangai kelakuan, watak, perbuatan, tabiat, tindak tanduk, sifat, lagak dan akhlak.

Dari aspek terminologi al-Zayyāt (t.th.) telah membawakan nukilan pelbagai definisi yang diberikan oleh para pengkaji terhadap tingkah laku. Antaranya ada yang mengatakan tingkah laku ialah semua tindak balas dan perbuatan makhluk hidup ketika ia berhadapan dengan suatu keadaan. Jika diteliti takrifan ini, sifatnya umum, mencakupi manusia dan haiwan.

Di samping itu terdapat sarjana yang hanya memfokuskan aspek zahir yang dapat diperhatikan dan mengabaikan sikap dalaman. Ada pula yang mengemukakan bahawa yang dimaksudkan dengan tingkah laku manusia adalah semua perbuatan, respon dan tindak balas manusia ketika berhadapan dengan suatu situasi, baik yang dapat diperhatikan mahupun tidak, yang mencakupi perbuatan baik dan buruk (Ahmad al-Tal 2005).

Abdul Ā'al (2007) pula menyatakan tingkah laku manusia ada pendorong dan motifnya. Inilah yang menggerakkan dan mengarahkan sesuatu kegiatan atau perbuatan. Qutub (1993) berpendapat bahawa kajian mengenai tingkah laku manusia perlu meliputi aspek luaran manusia (jasad) dan juga aspek dalaman (rohani). Semua perbincangan tentang tingkah laku seperti di atas sifatnya lebih khusus kepada manusia. Cakupannya merangkumi tingkah laku luaran dan dalaman sebagai natijah dari interaksi sosial dengan persekitaran. Dengan demikian dapat dikatakan bahawa tingkah laku adalah sikap dalaman dan luaran manusia ketika berhadapan dengan suatu situasi.

HASIL DAN PERBINCANGAN

Penjelasan al-Quran mengenai sesuatu perkara disampaikan secara jelas mahu pun secara isyarat. Ini adalah antara kaedah Allah SWT dalam menyampaikan maksud Kalimah-Nya. Kaedah ini sebagai dorongan dan motivasi kepada hamba-Nya agar mengkaji ayat-ayat-Nya dengan gigih dan tawaduk. Tiada siapapun dalam kalangan hamba-Nya yang dapat memahami segala Kalimah-Nya dengan tepat dan sempurna. Demikian juga halnya dengan aspek tingkah laku yang terdapat dalam al-Quran yang amat luas perbincangannya.

Klasifikasi tingkah laku banyak digambarkan oleh al-Quran, sama ada secara jelas atau isyarat oleh Allah SWT. Menerusi pemerhatian terhadap ayat al-Quran yang membincangkan tentang sikap, tabiat dan sifat manusia, maka tingkah laku manusia dapat diklasifikasi atau dikategorikan kepada; i) tingkah laku semula jadi (*al-*

Sulūk al-Fitri), ii) tingkah laku yang diusahakan hasil interaksi dengan persekitaran (*al-Sulūk al-Muktasab*), iii) tingkah laku normal (*al-Sulūk Sawī*), iv) tingkah laku menyeleweng (*al-Sulūk al-Munḥarif*), v) tingkah laku zahir (*al-Sulūk al-Zāhir*), vi) tingkah laku batin (*al-Sulūk al-Bātin*), vii) tingkah laku emosi (*al-Sulūk al-Infi'ālī*), viii) tingkah laku individu (*al-Sulūk al-Fardī*), x) tingkah laku kolektif (*al-Sulūk al-Jamā'ī*) dan xi) tingkah laku lojik akli atau berakal (*al-Sulūk al-'aklī*).

Dari segi yang lain, dapat dilihat bahawa pembahagian ini memperlihatkan penegasan al-Quran terhadap tingkah laku manusia, sama ada positif atau negatif. Antara yang dapat difahami tujuannya adalah untuk menjadi panduan dan pedoman manusia dalam memperkasa diri, mengambil iktibar dan pengajaran dalam kehidupan. Tujuan yang lebih utama adalah untuk mengarah kepada perubahan yang lebih positif dan melipatgandakan usaha manusia untuk menjadi lebih baik. Hal ini dapat sesuai dengan kedudukan manusia sebagai 'khalifah Allah' di muka bumi; membangun dan memakmurkannya. Selain itu manusia sentiasa menjalani proses untuk menjadi 'umat yang terbaik' dari masa ke semasa sebagaimana yang dituntut oleh syariat Islam itu sendiri.

Berikut adalah antara klasifikasi atau kategori tingkah laku yang terdapat dalam al-Quran:

1. Tingkah Laku Semula Jadi (*al-Sulūk al-Fitri*)

Antara tingkah laku manusia ada yang bersifat semula jadi. Di mana sebelum manusia lahir, sikap keinginan dan kecenderungan itu sudah wujud, seperti keinginannya untuk beragama dan mengenal penciptanya. Antara ayat al-Quran yang mengungkap tingkah laku ini. Firman Allah SWT (*al-A'raf* 7: 172) yang bermaksud:

dan (ingatlah Wahai Muhammad) ketika Tuhanmu mengeluarkan zuriat anak-anak Adam (turun-temurun) dari (tulang) belakang mereka, dan ia jadikan mereka saksi terhadap diri mereka sendiri, (sambil ia bertanya dengan firman-Nya): "Bukankah Aku Tuhan kamu?" mereka semua menjawab: "Benar (Engkaulah Tuhan kami), kami menjadi saksi", yang demikian supaya kamu tidak berkata pada hari kiamat kelak: "Sesungguhnya kami adalah lalai (tidak diberi peringatan) tentang (hakikat tauhid) ini".

Ayat ini menyatakan bahawa ketika manusia masih di alam roh, mereka telah membuat pengakuan dan bersaksi kepada diri mereka sendiri, Allah adalah *Rabb* dan Pencipta mereka, tidak ada Tuhan kecuali hanya Dia (Allah). Kemudian Allah SWT mencipta mereka dan melahirkan ke atas dunia dalam keadaan membawa pengakuan fitrah. Namun, sebilangan manusia tidak dapat mempertahankan pengakuan semula jadi itu kerana dipengaruhi oleh faktor luaran dan persekitaran (Abdul Aziz 2000).

Abu Hurairah meriwayatkan daripada Baginda SAW (al-Bukhari 1996, no. 1358) bersabda:

Setiap anak yang dilahirkan dalam keadaan fitrah, maka kedua ibu bapanya yang menyebabkan (menjadikan) dia Yahudi, Nasrani atau Majusi.

Nawawi (2002) memaparkan beberapa pandangan ulama terhadap maksud hadis berkenaan, antaranya setiap anak yang dilahirkan telah mengenal Allah dan mengakui ketauhidan-Nya, tidak ada seorang manusia pun yang lahir melainkan dia mengakui ada Penciptanya, mungkin Dia dinamakan dengan nama yang lain atau dia akan menyembah Penciptanya itu bersama benda yang lain. Tegas al-Nawawī lagi bahawa pendapat yang sah, adalah setiap anak yang lahir telah siap sedia menerima Islam.

Hal ini ditegaskan dalam sebuah hadis Qudsi seperti (Muslim 1985, no. 2865) berikut:

Sesungguhnya Aku menciptakan hamba-Ku dalam keadaan cenderung kepada jalan yang lurus (*hunaḡā'*), kemudian datang syaitan memesongkan mereka daripada agama...

Pengakuan manusia terhadap Allah SWT sebagai Tuhan adalah ketika mereka masih di alam roh dan mereka telah bersedia lahir ke dunia untuk menjadikan Islam sebagai agama, disebut dengan *al-Sulūk al-Fitrī*.

2. Tingkah laku yang diusahakan hasil interaksi dengan persekitaran (*al-Sulūk al-Muktasab*)

Manusia adalah makhluk sosial kerana sifatnya yang suka bergaul, berinteraksi dan berhubungan dengan sesamanya. Dalam berinteraksi dengan orang lain dan persekitaran, mereka akan mendapati perkara baru yang tidak diketahui sebelumnya. Jika hal ini dicontohi dan diamalkan dalam kehidupan, ianya dikategorikan sebagai tingkah laku *muktasab*. Dalam bahasa yang lain boleh dikatakan bahawa tingkah laku *muktasab* adalah perilaku yang diperolehi daripada hasil interaksi dengan persekitaran. Antara ayat al-Quran yang mengemukakan jenis tingkah laku ini. Firman Allah SWT (al-Ma'īdah 5: 3) yang bermaksud:

Kemudian Allah hantarkan seekor burung gagak (menyuruhnya) mengorek-ngorek di bumi supaya, diperlihatkan kepada (Qabil) bagaimana cara menimbus mayat saudaranya. (Qabil) berkata: "Wahai celakanya aku! alangkah lemah serta bodohnya aku, aku tidak tahu berbuat seperti burung gagak ini, supaya aku dapat menimbuskan mayat saudaraku?" Kerana itu menjadilah ia dari golongan orang-orang yang menyesal.

Al-sulūk al-muktasab yang digambarkan dalam ayat ini iaitu perbuatan Qabil yang mencontohi burung gagak yang menggali lubang dengan paruh dan kakinya untuk menguburkan saudaranya yang mati atau menyimpan makanan. Sebelum kedatangan burung gagak ke hadapan Qabil, dia telah berjaya membunuh adiknya Habil. Setelah Habil terbunuh, Qabil tidak tahu apa yang akan dibuat terhadap jasad adiknya yang tidak bernyawa itu. Dalam keadaan demikian, Allah hantar dua burung gagak yang berkelahi sehingga salah satunya dapat membunuh kawannya. Burung gagak yang masih hidup terus menggali lubang dengan paruh dan kakinya, lalu dia menarik kawannya itu ke dalam lubang, kemudian terus ditutupnya lubang itu dengan tanah. Setelah melihat kejadian tersebut, Qabil tahu apa yang mesti dilakukan terhadap jasad Habil, lalu dia berkata: “Aduh celaka aku! Mengapa aku tidak mampu berbuat seperti burung gagak ini, lalu aku dapat menguburkan mayat saudaraku ini?” (al-Manşūrī 1996; al-Harari 2001).

Contoh lain daripada *al-sulūk al-muktasab* yang dibentangkan al-Quran iaitu sikap kaum terdahulu dan juga sekarang dalam bidang tradisi, ibadah dan akidah. Mereka hanya meniru, mengikut dan mengamalkan apa yang telah diwarisi oleh datuk dan nenek mereka tanpa berani membantah dan mengkritik ibadah dan akidah tersebut. Firman Allah SWT (al-Zukhruf 43: 23 dan 24) yang bermaksud:

Dan demikianlah halnya (orang-orang yang taqlid buta); Kami tidak mengutus sebelummu (wahai Muhammad) kepada (penduduk) sesebuah negeri, seseorang Rasul pemberi amaran, melainkan orang-orang yang berada dalam kemewahan di negeri itu berkata: “Sesungguhnya kami dapati datuk nenek kami menurut satu jalan ugama, dan sesungguhnya kami hanya mengikut jejak mereka sahaja”.

Rasul itu berkata: “Adakah (kamu akan menurut juga mereka) walaupun aku membawa kepada kamu ugama yang lebih jelas hidayah petunjuknya daripada jalan agama yang kamu dapati datuk nenek kamu menurutnya?” mereka menjawab: “Sesungguhnya kami tetap mengingkari apa yang kamu diutuskan membawanya”.

Ayat ini merupakan hiburan untuk Nabi SAW atas penolakan kafir Quraisy terutamanya orang kaya, orang berpangkat dan para pembesar terhadap dakwah Islam. Mereka menolak dakwah dengan alasan yang sama seperti yang dibuat kaum terdahulu, iaitu mereka hanya mengikut, menerima serta mengamalkan agama yang telah ditinggalkan oleh nenek dan datuk mereka, sekalipun agama yang dibawa oleh para Nabi lebih baik daripada agama mereka. Ayat juga ini menyatakan bahawa tradisi mengikut sikap dan tabiat ini adalah salah dan sesat

yang diwarisi daripada nenek dan datuk serta orang terdahulu, dan merupakan penyakit lama yang menyenatkan (al-Nasafi 1988; al-Zuhayli 1998).

3. Tingkah Laku yang Lurus (*al-Sulūk al-Sawī*)

Tindakan dan perbuatan yang selari dengan ajaran Islam yang ditampilkan seseorang dalam menghadapi suatu keadaan, disebut sebagai *al-Sulūk al-Sawī* (tingkah laku yang lurus). Firman Allah SWT (Ali 'Imran 3: 135) yang bermaksud:

Dan juga orang yang apabila melakukan perbuatan keji, atau menganiaya diri sendiri, mereka segera ingat kepada Allah lalu memohon ampun akan dosa mereka dan sememangnya tidak ada yang mengampunkan dosa-dosa melainkan Allah dan mereka juga tidak meneruskan perbuatan keji yang mereka telah lakukan itu, sedang mereka mengetahui (akan salahnya dan akibatnya).

Al-Sulūk al-Sawī yang dipaparkan dalam ayat di atas ialah sikap orang bertakwa apabila mereka melakukan dosa besar, kecil dan perbuatan melampau. Mereka ingat kepada Allah; ingat ancaman, seksa, kemuliaan serta kebesarannya. Ini yang mendorong mereka segera bertaubat, beristighfar kepada Allah, mengharap keampunan-Nya, rahmat-Nya yang disertai keyakinan penuh bahawa tidak ada yang dapat mengampunkan dosa melainkan hanya Allah semata. Dengan azam yang kuat, mereka tidak akan kembali lagi mengulangi perbuatan dosa tersebut. Mereka tahu bahawa maksiat itu merosakkan kesucian jiwa dan menodai undang-undang yang benar (Rashid Rida 1999).

Tingkah laku ini juga dapat dilihat pada sikap hamba Allah yang digelar sebagai *ibadurrahman*. Apabila mereka diberi peringatan dengan ayat Allah, mereka mendengarkannya dengan penuh perhatian. Firman Allah SWT (al-Furqan 25: 73) yang bermaksud:

Dan juga mereka (yang diredhai Allah itu ialah orang) yang apabila diberi peringatan dengan ayat-ayat keterangan Tuhan mereka, tidaklah mereka tunduk mendengarnya secara orang yang pekak dan buta.

Sikap mereka yang mengambil perhatian dengan serius dan mendengarkan ayat-ayat Allah dengan penuh perhatian adalah tindakan yang amat bersesuaian dengan tuntutan agama. Dengan demikian mereka mudah mendapat pengajaran dan iktibar dari ayat-ayat tersebut.

4. Tingkah Laku Menyeleweng/Negatif (*al-Sulūk al-Munḥarif*)

Isi kandungan al-Quran, sunnah Rasul SAW serta ijhtihad para ulama telah cukup bagi manusia sebagai rujukan, pedoman dan panduan dalam menentukan sesuatu

dari sudut salah atau benar, boleh atau tidak, sederhana atau melampau. Jika seseorang bertindak, berkelakuan dan melakukan perbuatan yang bercanggah dengan al-Quran, sunnah serta kaedah yang telah ditetapkan ulama, sikap itu disebut dengan tingkah laku yang menyeleweng seperti perbuatan liwat yang dilakukan kaum Nabi Luth. Kelakuan keji ini dikisahkan al-Quran. Firman Allah SWT (al-A'raf 7: 80 dan 81) yang bermaksud:

Dan Nabi Lut juga (Kami utuskan). ingatlah ketika ia berkata kepada kaumnya: Patutkah kamu melakukan perbuatan yang keji, yang tidak pernah dilakukan oleh seorang pun dari penduduk alam ini sebelum kamu?

Sesungguhnya kamu mendatangi lelaki untuk memuaskan nafsu syahwat kamu dengan meninggalkan perempuan, bahkan kamu ini adalah kaum yang melampaui batas.

Perbuatan kaum Luth yang suka sesama jenis, lelaki dengan lelaki adalah tingkah laku yang menyeleweng, perbuatan yang keji dan kotor, melampaui batas, bercanggah dengan adab dan kebiasaan serta bertentangan dengan akal yang sihat. Hanya jiwa yang tidak normal dan sakit yang melakukan perkara tersebut. Disebabkan tingkah laku mereka yang menyeleweng, kedudukan dan maruah mereka jatuh serendah-rendahnya, lebih rendah daripada haiwan. Haiwan jantan mendatangi haiwan betina tidak hanya untuk melepaskan nafsu syahwat sahaja tetapi juga untuk menjaga keturunannya, manakala manusia yang suka sesama jenis hanya untuk memenuhi nafsu mereka semata-mata (Hijāzī 1993; al-Sha'rawī t.th.).

Selain itu, al-Quran mengisahkan tindakan melampau yang ditunjukkan oleh Bani Israel. Mereka ditegah menangkap ikan pada hari Sabtu, namun sebahagian mereka tetap melanggar tegahan tersebut. Firman Allah SWT (al-Baqarah 2: 65) yang bermaksud:

Dan sesungguhnya kamu telah mengetahui (bagaimana buruknya akibat) orang-orang di antara kamu Yang melanggar (larangan) pada hari Sabtu, lalu Kami berfirman kepada mereka: "Jadilah kamu kera yang hina".

Dalam memahami maksud firman Allah "Jadilah kamu kera yang hina", kebanyakan ahli tafsir mentafsirkan bahawa Allah telah mengubah bentuk mereka menjadi kera yang hina disebabkan maksiat yang mereka lakukan. Hal itu berlangsung tidak melebihi tiga hari, sesudah itu mereka mati. Manakala Qatadah berpendapat, rupa mereka tidak berubah menjadi kera, tetapi hati mereka yang disamakan dengan hati kera, tidak dapat memahami setiap pengajaran, tidak mengerti dengan teguran dan ancaman yang ditujukan kepada

mereka. Allah juga menyamakan mereka dengan keldai yang membawa kitab, namun keldai tidak faham terhadap apa yang ia bawa dan pikul (al-Zuhaylī 1998). Firman Allah SWT (al-Jumu'ah 62:5) yang bermaksud:

(Sifat-sifat Nabi Muhammad itu telahpun diterangkan dalam Kitab Taurat tetapi orang-orang Yahudi tidak juga mempercayainya, maka) bandingan orang-orang (Yahudi) yang ditanggungjawab dan ditugaskan (mengetahui dan melaksanakan hukum) Kitab Taurat, kemudian mereka tidak menyempurnakan tanggungjawab dan tugas itu, samalah seperti keldai yang memikul bendela Kitab-kitab besar (sedang ia tidak mengetahui kandungannya). Buruk sungguh bandingan kaum yang mendustakan ayat-ayat keterangan Allah; dan (ingatlah), Allah tidak memberi hidayah petunjuk kepada kaum yang zalim.

5. Tingkah Laku Zahir (*al-Sulūk al-Zāhir*)

Setiap tindakan, perbuatan, dan sikap manusia yang dapat dilihat, diamati, baik perkataan mahupun perbuatan disebut tingkah laku zahir (*al-Sulūk al-Zāhir*). Terdapat banyak ayat dalam al-Quran yang memaparkan tingkah laku zahir manusia, baik orang beriman, kafir mahupun munafik. Contohnya, sikap orang Ansar terhadap orang Muhajirin ketika mereka sampai di Madinah sebagaimana yang dirakamkan Allah. Firman Allah SWT (al-Hashr 59: 9) yang bermaksud:

Dan orang-orang (Ansar) yang mendiami negeri (Madinah) serta beriman sebelum mereka, mengasihi orang yang berhijrah ke negeri mereka, dan tidak ada pula dalam hati mereka perasaan berhajatkan apa yang telah diberi kepada orang yang berhijrah itu; dan mereka juga mengutamakan orang yang berhijrah itu lebih daripada diri mereka sendiri, sekalipun mereka dalam keadaan kekurangan dan amat berhajat. Dan (ingatlah), sesiapa yang menjaga serta memelihara dirinya daripada dipengaruhi oleh tabiat bakhilnya, maka merekalah orang yang berjaya.

Ada tiga *al-Sulūk al-Zāhir* orang Ansar terhadap orang Muhajirin yang dapat diamati dalam ayat di atas (al-Ṣāwī 1999; al-Ṣābūnī t.th.). Pertama, sikap kasih sayang dan ukhuwah Islamiyah yang direalisasikan dengan perbuatan. Contohnya, mereka membawa orang Muhajirin duduk dan menetap di rumah mereka dan menjadikan harta kekayaan mereka milik bersama dengan orang Muhajirin. Kedua, tidak menaruh perasaan dengki terhadap orang Muhajirin. Ketika Rasul SAW membahagikan harta rampasan yang didapati dari Bani al-Nadhir, Nabi SAW membahagikannya hanya untuk orang Muhajirin. Hanya tiga orang daripada kalangan orang Ansar yang diberi oleh Nabi SAW harta tersebut. Namun orang Ansar reda dan menerima dengan telus pembahagian tersebut. Ketiga, adalah sikap orang Ansar yang lebih mengutamakan orang Muhajirin melebihi diri mereka sendiri. Contohnya keprihatinan dan

kepedulian Sa'ad bin al-Rabi' terhadap Abd al-Rahman bin Awf. Setelah Rasul SAW mempersaudarakan mereka berdua, lalu Sa'ad berkata kepada Abd al-Rahman berhasrat untuk memberikan sebahagian hartanya dan salah seorang isterinya kepada Sa'ad (al-Būṭī 1999). Itulah sikap keprihatinan dan kepedulian, mengutamakan orang lain melebihi diri sendiri, yang ditunjukkan oleh Sa'ad bin al-Rabi'. Beliau reda dan ikhlas memberikan harta dan salah seorang isterinya untuk saudaranya seiman dan seakidah.

6. Tingkah Laku Dalam (al-Sulūk al-Bāṭin)

Lawan kepada *suluk zahir* adalah *suluk batin* dalaman. Apa sahaja bisikan hati yang tersimpan dalam sanubari manusia seperti berfikir, berkhayal dan memahami yang belum sampai menjelma dalam bentuk perkataan atau tindakan, maka itu disebut sebagai tingkah laku batin (Khairullah t.th). Allah SWT menyatakan dengan tegas kewujudan tingkah laku zahir dan batin dalam diri seseorang. Firman Allah SWT (Taha 20: 7) yang bermaksud:

Dan jika engkau menyaringkan suara dengan doa permohonanmu, (maka yang demikian tidaklah perlu), kerana sesungguhnya Allah mengetahui segala rahsia dan segala yang tersembunyi.

Dalam ayat ini ada dua jenis *suluk* batin iaitu *sirr* dan *akhfā*. *Sirr* maksudnya apa saja sikap batin (dalaman) yang disembunyikan seseorang, hanya dia dan Allah sahaja yang mengetahui. Manakala *akhfā* adalah *suluk* batin yang tersimpan jauh dalam lubuk hati, belum lagi terlintas dalam fikiran seseorang tetapi hanya Allah sahaja yang mengetahuinya (Radhi al-Hamrani t.th.) Antara *suluk* batin yang dikemukakan al-Quran ialah seperti diungkapkan dalam firman Allah SWT (al-Baqarah 2: 204) yang bermaksud:

Dan di antara manusia ada orang yang tutur katanya mengenai hal kehidupan dunia, menyebabkan engkau tertarik hati (mendengarnya), dan dia (bersumpah dengan mengatakan bahawa) Allah menjadi saksi atas apa yang ada dalam hatinya, padahal ia adalah orang yang amat keras permusuhannya (kepadamu).

Ayat ini membicarakan tentang sikap orang munafik. Bahagian awal ayat menyatakan sikap *zahir* mereka terhadap orang beriman. Bahagian akhir pula mengungkapkan sifat dalaman mereka yang menaruh permusuhan dan pertentangan yang dahsyat terhadap orang beriman yang mereka sembunyikan dalam hati (Abu Zahrah t.th.; Abu Su'ūd t.th.).

7. Tingkah Laku Emosi (al-Sulūk al-Infī'ālī)

Tingkah laku ini adalah tindakan yang berpunca daripada perasaan, sensasi dan

emosi, adakalanya boleh diamati dan adakalanya tidak (Mustafa Rajab t.th). Firman Allah SWT (al-Qasas 28: 31) yang bermaksud:

“Dan (sekarang) campakkanlah tongkatmu”, (ia pun mencampaknya), maka apabila ia melihat tongkatnya itu (menjadi seekor ular besar) bergerak cepat tangkas, seolah-olah seekor ular kecil, berpalinglah ia melarikan diri dan tidak menoleh lagi. (lalu ia diseru): “Wahai Musa, datanglah kemari dan janganlah engkau takut. Sesungguhnya engkau dari orang yang beroleh aman.

Sulūk infi ‘ālī yang digambarkan dalam ayat ini adalah tentang tindakan Nabi Musa yang dipengaruhi oleh emosi sensasi ketika beliau melihat berubahnya tongkat menjadi ular. Itulah peristiwa luar dugaan. Nabi Musa sama sekali tidak bersedia untuk menghadapinya, di samping tabiat beliau yang mudah terharu dan sensitif. Baginda tidak berfikir untuk kembali melihat tongkat itu dan memeriksa apakah sebenarnya berlaku kepadanya serta memikirkan peristiwa aneh yang amat besar ini dengan teliti. Inilah sifat orang sensitif yang dapat dilihat tepat pada masanya (Qutub 1993).

Suluk infi ‘ali ini juga dapat dilihat pada Nabi Ibrahim ketika baginda melayan para Malaikat yang datang bertamu ke rumah Baginda. Hal ini berlaku sebelum malaikat tersebut menghancurkan kaum Nabi Luth. Firman Allah SWT (Hud 11: 69-70) yang bermaksud:

Dan sesungguhnya telah datang malaikat utusan-utusan Kami kepada Nabi Ibrahim, dengan membawa berita yang menggembirakan. lalu mereka memberi salam dengan berkata: “Salam sejahtera kepadamu (wahai Ibrahim)”. Nabi Ibrahim menjawab: “Salam sejahtera kepada kamu”. maka tidak berapa lama selepas itu, ia membawa jamuan untuk mereka: seekor anak lembu yang dipanggang. Maka apabila ia melihat tangan mereka tidak menyentuh hidangan itu, ia merasa pelik akan hal mereka serta merasa takut dari keadaan mereka. (Melihat kecemasannya) mereka berkata: “Janganlah engkau takut Wahai Ibrahim, sebenarnya kami ini diutus kepada kaum Luth (untuk membinasakan mereka)”.

Diteliti daripada ayat tersebut dapat difahami tingkah laku dan emosi Nabi Ibrahim ketika berhadapan dengan para malaikat utusan Allah. Baginda merasa curiga, kluatir bercampur takut, setelah melihat sikap aneh para tetamunya yang tidak mahu menjamah daging anak lembu panggang yang dihidangkan, sebagai penghormatan terhadap tetamu. Dalam keadaan Nabi Ibrahim diliputi perasaan curiga, kluatir dan takut, para malaikat itu berkata sambil menenangkan Ibrahim: “Jangan takut, kami tidak bermaksud berbuat

keburukan terhadap kamu. Kami diutuskan untuk mencelakakan kaum Luth (al-Marāghī 1946). Walaupun mempunyai kedudukan sebagai Nabi, baginda tetap mempunyai perasaan dan emosi seperti manusia biasa. Ini menunjukkan tingkah laku rendah diri yang ada pada baginda”.

8. Tingkah Laku Individu (*al-Sulūk al-Fardī*)

Ia adalah tingkah laku yang dilakukan oleh seseorang yang tidak melibatkan orang lain. Antaranya seperti yang termaktub dalam firman Allah SWT (Yasin 36: 20) yang bermaksud:

Dan (semasa Rasul-rasul itu diancam), datanglah seorang lelaki dari hujung bandar itu dengan berlari, lalu memberi nasihat dengan katanya:” Wahai kaumku! turutlah Rasul-rasul itu.

Tindakan seorang lelaki yang menyeru kaumnya agar beriman kepada para Rasul, adalah tingkah laku yang dinamakan *al-sulūk al-fardī*. Lelaki itu telah mendengar dakwah Nabi dan terus menyambutnya setelah melihat dalil yang benar dan logik. Apabila hatinya merasakan hakikat iman, maka hakikat iman telah mantap dalam hatinya dan tidak dapat lagi mendiamkan dirinya. Dia tidak mendiamkan diri melihat kesesatan, kekufuran dan kejahatan di sekelilingnya. Dia datang kepada kaumnya sambil menyeru mereka kepada kebenaran dan menghalang mereka daripada melakukan kezaliman, pencerobohan dan penganiayaan terhadap para Rasul yang hampir-hampir dilakukan mereka (Qutub 1993).

Contoh lain tingkah laku individu yang diutarakan al-Quran ialah tindakan Asiah, isteri Fir’aun yang dapat meredakan kemarahannya ketika dia hendak membunuh Musa yang masih kecil. Kisah masyhur ini diceritakan al-Quran dalam firman Allah SWT (al-Qasas 28: 9) yang bermaksud:

Dan (ketika melihat kanak-kanak itu) berkatalah isteri Fir’aun: “(Semoga dia menjadi) cahaya mata bagiku dan bagimu; janganlah kamu membunuhnya; mudah-mudahan dia berguna kepada kita, atau kita jadikan dia anak”. Padahal mereka tidak menyedari (kesudahannya).

Ayat ini menggambarkan perasaan marah Fir’aun menjadi reda dengan kata-kata lemah lembut daripada isterinya Asiah. Hasilnya lembutlah hati Fir’aun dan tidak jadi membunuh anak itu iaitu Musa.

9. Tingkah Laku Kolektif (*al-Sulūk al-Jamā’i*)

Ia adalah perilaku yang dilakukan secara bersama yang melibatkan ramai orang secara serentak pada masa yang sama atau pada masa yang berbeza. Firman Allah SWT (Yasin 36: 18) yang bermaksud:

Penduduk bandar itu berkata pula: “Sesungguhnya kami merasa nahas dan malang dengan sebab kamu. Demi sesungguhnya, kalau kamu tidak berhenti (dari menjalankan tugas yang kamu katakan itu), tentulah kami akan merejam kamu dan sudah tentu kamu akan merasai dari pihak kami azab seksa yang tidak terperi sakitnya”.

Bantahan secara beramai-ramai yang dikemukakan oleh penduduk negeri itu terhadap seruan para Rasul yang mengajak mereka supaya beriman kepada Allah, adalah tingkah laku kolektif. Penduduk negeri berkenaan mendakwa bahawa para Nabi membawa sial kepada mereka. Mereka mengugut akan merejam dan menyiksa jika para Nabi tidak berhenti daripada menyebarkan tugas dakwah (Qutub 1993). Ini adalah tingkah laku kolektif yang bersifat negatif.

Tingkah laku kolektif lain yang ditampilkan oleh al-Quran ialah sikap sekumpulan pemuda (*ashabul kahfi*) yang sepakat meninggalkan negeri tumpah darah mereka demi mempertahankan akidah tauhid yang telah bertapak di dalam hati. Firman Allah SWT (al-Kahfi 18: 10) yang bermaksud:

(Ingatkanlah peristiwa) ketika serombongan orang-orang muda pergi ke gua, lalu mereka berdoa: “Wahai Tuhan kami! kurniakanlah kami rahmat dari sisi-mu, dan berilah kemudahan-kemudahan serta pimpinan kepada kami untuk keselamatan agama kami”.

Sarjana Muslim berbeza pandangan mengenai sebab para pemuda dalam ayat ini bersikap melarikan diri dari kampung halaman mereka menuju ke gua sebagai tempat berlindung (al-Ṭabarī 1992). Antaranya, ada yang berpendapat, mereka melarikan diri kerana berdepan dengan raja, penguasa yang menyembah berhala dan zalim. Raja tersebut mengajak rakyatnya untuk menyembah berhala. Para pemuda tersebut enggan menurut perintah raja. Mereka tetap di atas agama Nabi Musa. Lalu mereka melarikan diri demi menyelamatkan agama, akidah dan keyakinan serta menyelamatkan diri daripada ancaman bunuh yang dilancarkan oleh raja terhadap sesiapa yang membantah perintahnya.

Ini adalah tingkah laku kolektif yang bersifat positif di mana para pemuda tersebut bersepakat untuk melarikan diri daripada kezaliman dan ancaman raja mereka.

10. Tingkah Laku *Akli* / Berakal (*al-Sulūk al-‘aklī*)

Tingkah laku ini adalah tindakan yang dilakukan berdasarkan kepada akal fikiran atau minda ketika berhadapan dengan suatu situasi. Antara ayat al-Quran yang mengemukakan corak tingkah laku ini. Firman Allah SWT (al-Ma’idah 5: 58) yang bermaksud:

Dan apabila kamu menyeru (azan) untuk mengerjakan sembahyang, mereka menjadikan sembahyang itu sebagai ejek-ejekan dan permainan. Yang demikian itu ialah kerana mereka suatu kaum yang tidak berakal.

Al-sulūk al-‘aklī yang ditampilkan dalam ayat ini ialah, sikap musuh Allah iaitu orang Yahudi, Nasrani dan orang kafir yang mengejek, mempersenda dan mempermainkan laungan azan untuk memanggil umat Islam menunaikan solat. Mereka lakukan tindakan itu kerana mereka tidak mengetahui perkara itu dengan sebenarnya, mereka menolak kebenaran yang mereka ketahui disebabkan kedengkian terhadap umat Islam. Oleh itu, Allah menyifatkan mereka sebagai kaum yang tidak berakal dan bodoh (*Tantāwī* t.th.), Ini disebabkan mereka gagal menggunakan akal fikiran atau minda yang sihat untuk memahami maksud panggilan azan yang dilaungkan oleh umat Islam setiap kali masuk solat.

KESIMPULAN

Informasi al-Quran tentang manusia secara umum dan perilaku mereka secara khusus adalah maklumat yang mutlak kebenarannya. Berita itu datang dan berasal daripada Maha Pencipta Yang Maha Mengetahui lagi Maha Berkehendak sesuatu yang berlaku ke atas hamba-Nya. Maka, setiap detik jantung, turun naik nafas, bisikan hati nurani dan perbuatan zahir dan batin semuanya dalam pengetahuan dan kehendak Allah SWT. Semuanya ada dalam pengawasan-Nya. Mana-mana teori yang dikemukakan oleh manusia tentang manusia dan tingkah lakunya dapat diuji kebenarannya dengan al-Quran. Teori yang tidak bercanggah dengan al-Quran, boleh diterima dan teori yang bercanggah dengan al-Quran mesti ditolak dan dibetulkan.

Inilah hakikat sebenar tingkah laku manusia yang digambarkan oleh al-Quran. Ianya menjadi asas untuk manusia mentadabbur, memikir dan mengambil iktibar keberadaannya dalam diri mereka. Melalui *tadabbur*, fikir dan iktibar menjadikan manusia sedar akan dirinya dan menjadi pendorong dalam membangun dan membina peradaban manusia berteraskan syariat Allah SWT.

PENGHARGAAN

Ucapan terima kasih dan setinggi penghargaan kepada individu yang terlibat dalam projek penyelidikan Sains dalam al-Quran kod UKM-AP-2011-05.

RUJUKAN

al-Quran al-Karīm

Abdul Ā'al, al-Sayyid Muhammad Abdul Majid. 2007. *al-Sulūk al-Insānī Fī al-Islām*. Ammān: Dār al-Masirah.

Abdul Aziz, Amir. 2000. *al-Tafsīr al-Shāmil Li al-Qurān al-Karīm*. al-Qāhirah: Dār al-Salām.

Abū Zahrah, Muḥammad. t.th. *Zahrah al-Tafsīr*. al-Qāhirah: Dār al-Fikr al-‘Arabī.

Abu Su‘ūd, Muhammad bin Muhammad. t.th. *Tafsīr Abī al-Su‘ūd*. al-Qāhirah: Dār al-Mustafa.

Ahmad al-Tal, Shādiyāh. 2005. *Ilm al-Nafs al-Tarbawī*. Jordan: Dār al-Nafā’is.

al-Bukhārī, Muhammad bin Ismā‘īl. *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*. Dalam Ibn Ḥajar al-Asqalānī. *Fath al-Bārī*. 1996 M. al-Qāhirah: Dār Abi Ḥayyān.

al-Būṭī, Muhammad Sa‘īd Ramaḍān. 1999. *Fiqh al-Sīrah al-Nabawiyah*. Cet.6. al-Qāhirah. Dār al-Salām.

Hamzah, Hasan. 1997 M. *Kamus Melayu Global*. Kuala Lumpur: Pyramid Perdana (M) Sdn Bhd.

al-Hararī, Muḥammad al-Amin Abdullāh bin Abdullāh. 2001. *Tafsīr Ḥadā’iq al-Rūḥ Wa al-Rayḥān*. Beirut: Dār Ṭūq al-Najat.

Hijāzī, Muḥammad Maḥmūd. 1993. *al-Tafsīr al-Wāḍiḥ*. Cet.10. Beirut: Dār al-Jayl.

Khairullah, Sayyid. t.th. *‘Ilm al-Nafs al-Tarbawī*. Beirut: Dār al-Nahḍah al-Arabiyyah.

al-Manṣūrī, Mustafa al-Ḥiṣn. 1996. *al-Muqattaḥ Min Uyūn al-Tafsīr*. al-Qāhirah: Dār al-Salām.

Muslim, Abū al-Ḥusayn al-Ḥajjāj. 1995. *Ṣaḥīḥ Muslim*. Beirut: Dār Ibn Ḥazam.

Muṣṭafā Rajab. t.th. *al-Tarbiyyah al-Sulūkiyyah Fī Daw’ al-Qurān al-Karīm*, www.imanway.com/vb/Showthread.php?t=41047[15 April 2017].

al-Nasafī, Abdullāh bin Aḥmad. 1998. *Tafsīr al-Nasafī*. Taḥqīq Yūsuf Ali Badiwi dan Mahyiddin Dib Mistu. Beirut: Dār al-Kalim al-Ṭayyib.

- Nawawī, Muhyiddīn Abū Zakariyā Yahyā bin Sharf. 2002. *Ṣaḥīḥ Muslim bi Sharḥ al-Nawawī*. Cet. 4. al-Qāhirah: Dār al-Hadīth.
- Qutub, Muḥammad. 1993. *Dirāsāt fī al-Nafs al-Insāniyyah*. Cet. 10. al-Qāhirah: Dār al-Shurūq.
- Rasyid Riḍā, Muḥammad. 1999. *Tafsīr al-Manār*. 1999. Beirut: Dār al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Radhi al-Hamrani, *Suluk al-Insan Tahta Mijhar al-Quran*. [www.elazayem.com/new\(21\).htm](http://www.elazayem.com/new(21).htm)
- al-Ṣābūnī, Muḥammad Alī. t.th. *Ṣafwah al-Tafsīr*. Cet. 9. al-Qāhirah: Dār al-Ṣābūnī.
- al-Ṣāwī, Aḥmad bin Muḥammad. 1999. *Hāshiyah al-Ṣāwī alā Tafsīr al-Jalālyn*, Beirut: Dār Ihyā' al-Turāth al-Arabī.
- al-Sha'rawī, Muḥammad Mutawallī. t.th. *Tafsīr al-Sha'rawī Akhbār al-Yawm*. Miṣr: Qitā' al-Thaqafah.
- Sofarwan, Haji Zainal Abidin. 1995. *Kamus Besar Bahasa Melayu Utusan*. Kuala Lumpur: Utusan & Distributors Sdn Bhd.
- al-Ṭabarī, Abū Ja'far Muḥammad bin Jarīr. 1992. *Tafsīr al-Ṭabarī*. Beirut: Dār al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Ṭanṭāwī, Muḥammad Sayyid. t.th. *al-Tafsīr al-Waṣīf*. al-Qāhirah: Dār al-Ma'ārif.
- al-Zuhaylī, Wahbah. 1998. *al-Tafsīr al-Munīr*. Beirut: Dār al-Fikr.